

Islam dan Umat Islam

Soal Kebangsaan dan Agama

Ceramah ini telah diberikan oleh Prof. Dr. Burhanuddin al-Helmy, Yang di-Pertua Persatuan

Islam Se-Tanah Melayu semasa lawatannya baharu-baharu ini di Mesir dalam perkembaliannya dari menghadiri Kongres

Parliamentary Commonwealth di London. Di antara isi ceramah yang telah diberikannya kepada kami pelajar-pelajar Melayu

di Mesir ialah soal kebangsaan dan agama. Ringkasan ceramah beliau ialah seperti berikut:

(Oleh: Ashaari al-Hajj Amri al-Qāhirah)

Soal¹ kebangsaan dan agama bukanlah perkara baharu di dunia hari ini. Manusia di muka alam ini bermati-matian dan berperang di antara satu sama lain kerana mempertahankan soal kebangsaan. Sebab satu-satu umat selagi mereka ingat akan tarikhnya maka selama itu mereka tidak akan mati. Walau bagaimanapun soal kebangsaan ini memang sudah terbukti dan nyata sekali di dalam ayat Tuhan yang berbunyi: “*Wa ja ‘alnākum shu‘ūban wa qabāila li ta ‘ārafū*”. Maksudnya: “Dan Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan berpuak-puak supaya berkenal-kenalan”. Jadi sudah terang sekali keterangan ini yang menunjukkan bahawa tiap-tiap satu umat itu ada dengan rupa bangsanya. Tujuannya tak lain dan tak bukan ialah supaya di antara satu sama lain itu dapat dikenal dan dapat dibezakan warna kulit dan adat istiadatnya.

Oleh kerana itu kita harus berfikir dengan mendalam dengan secara cukup teliti apakah soal kebangsaan kita bangsa Melayu hari ini sudah ada

di dalam erti kemerdekaan kita....? Dan sudahkah berakar umbi di dalam jiwa bangsa Melayu hari ini? Dengan dua soalan ini sudah cukup jelas dan memadai bagi kita, dan dapatlah kita memahami akan hakikat yang sebenarnya tentang faktor yang besar ini. Sebab bahawa satu-satu umat itu apabila kebangsaannya telah tenggelam maka akhirnya umat itu akan tenggelam juga padahnya, kerana kebangsaan itu adalah satu teras atau tulang punggung di dalam sebuah negara yang merdeka. Kita mesti memegang kuat teras tadi supaya jangan dapat dikuasai oleh orang lain, bila terasnya sudah dan dikuasai oleh orang lain maka akibatnya bangsa itu akan lenyap dan tenggelam dan akan dapat dipermain-mainkan oleh orang yang tidak mengenal belas kasihan dan akhirnya negara yang tidak mempunyai rupa kebangsaan tadi samalah seperti satu pokok yang tidak mempunyai teras di dalamnya.

Kalau kita memandang hari ini akan negara kita Persekutuan Tanah Melayu yang masih muda lagi di dalam


¹ Ejaan pada teks asal ialah soa

kemerdekaannya, maka soal yang besar yang mesti kita tanya **terlebih dahulu ialah soal kebangsaannya.** Sebab rupa bangsa inilah yang menunjukkan sebenarnya erti merdeka di dalam sesebuah negara, tetapi malangnya apa yang kita harap-harapkan dan yang telah menjadi idaman bangsa kita Melayu hari ini telah terlepas dari tangannya sendiri, jatuh ke tangan orang yang tidak mempunyai hubungan dengan kita sama sekali. Rupa bangsa kita hari ini adalah di dalam khayal semata-mata, tidak mempunyai ketegasan sama sekali. Perkara ini terang sekali bila kita perhati dengan dua mata kita apa yang terjadi di tanah air

kita sendiri. Sebab itu bila ditanya kepada Menteri-menteri yang memegang teraju pemerintahan Tanah Melayu hari ini tentang soal rupa bangsa, mereka menjawab dengan tidak secara tegas, hanya cuba juga berselindung dan hendak mengelirukan. Hal ini menunjukkan bahawa kerajaan kita hari ini adalah lemah di dalam memperjuangkan hak bangsanya sendiri. Kenapakah saya katakan begitu, ialah kerana boleh dikatakan kabinet hari ini adalah dipegang oleh orang-orang kita Melayu, ertinya di tangan kitalah kekuasaan yang kuat dan penuh, kenapa pula kita takut dan ragu-ragu di dalam memberi hak keistimewaan kepada



Suatu pemandangan dalam majlis jamuan ringan anjuran guru-guru dan pelajar-pelajar agama Maktab Perguruan Islam pada hari penerimaan hadiah kelulusan dari maktab tersebut, yang dilangsungkan di Maahad Muhammadi, Kelantan baharu-baharu ini. Yang berdiri ialah ketua pelajar sedang memberi ucapan terima kasih.



masa menunaikan kewajibannya. Tugu ini baharu siap didirikan di bandar Kuala Lumpur – ibu negara Persekutuan Tanah Melayu.

bangsa kita, dan takut di dalam memperjuangkan hak bangsa Melayu? Hal ini sangat menyedihkan kita seluruh bangsa Melayu hari ini, bertambah-tambah lagi kerana kita adalah tuan yang mempunyai hak yang utama di bumi tanah air kita sendiri.

Agama Islam Kita

Marilah kita berpaling pula kepada soal agama kita hari ini yang telah dipeluk oleh bangsa Melayu, dan boleh dikatakan tiap-tiap orang Melayu bangsa kita adalah beragama Islam dan menjunjung perintah Tuhan. Sudah sewajibnya bagi kita hari ini memandang dan membuka mata lebih jauh ke hadapan. Memerhati, menyelidik dan menimbang sesuatu dengan cukup teliti dan halus, setakat manakah sudah menjalankan ajaran Islam? Dan sudahkah kita membawa sesuatu dan menghukum sesuatu itu dengan hukum Tuhan? Perkara yang seperti

inilah yang mesti menjadi pokok yang pertama di dalam perjuangan kita umat Islam hari ini. Bukanlah kita berbangga dengan sebab umpunya² kita dapat memegang teraju pemerintahan, dan bukan pula kita bermegah-megah dengan sejarah yang silam, Islam telah dapat memimpin dunia, tetapi kita wajib meletak sesuatu itu dengan pertimbangan fikiran kita dan fikiran orang ramai yang tidak terkeluar dari garisan Islam dan ajaran al-Qur’ān dan hadis Nabi. Kita bangsa Melayu hari ini yang telah mengaku bahawa Islam itu ideologi kita, dan hidup mati kita dengan Islam, sudah sewajibnya kita taat dengan ajaran-ajaran Islam, dan mestilah ideologi Islam itu letaknya di tingkat atas dari ideologi-ideologi yang lain. Kita tidak mahu melihat hari ini suatu ideologi rekaan manusia menghukum dan memerintah manusia. Kita mahu melihat ideologi Islam – ideologi Tuhan itulah yang mesti menghukum manusia dan menjadi panduan di dalam mengarahkan hidup manusia. Sebab itulah bila kita kembali kepada sejarah lama dan sejarah kejatuhan umat Melayu, maka di sanalah satu pengajaran kepada kita bangsa Melayu – bahawa dengan sebab adanya perasaan cintakan agama itulah sampai hari ini terasnya itu masih kuat berumbi di dalam jiwa kita hari ini. Berapa kali kita telah hancur – hancur dan musnah bangsa Melayu di masa penjajahan Portugis, Belanda, Inggeris, Jepun kemudian Inggeris, tetapi teras dan semangat Islam itu masih ada tertanam dalam jiwa kita, oleh sebab roh keagamaan itu tidak akan hilang selagi ia masih tertanam di dalam hati manusia. Agama adalah menjadi alat penggerak. Kita tahu yang haram dan yang


² Kemungkinan kesalahan ejaan teks dan merujuk kepada ‘umpamanya’.

halal itu dengan perantaraan agama. Kita tahu yang hak dan batil adalah dengan sebab agama. Pendeknya manusia tidak akan tercebur dan terpesong ke dalam lembah kehinaan selagi agama ada di sampingnya dan selagi ia berpegang dengan agamanya.

Maka dengan sebab itulah bila kita membuka hakikat yang sebenarnya apa yang ternampak di hadapan kita sekarang ini? Soal Tanah Melayu adalah menjadi soal Palestin yang kedua. Jika sekiranya pada 5 tahun yang akan datang ini kekuasaan itu berpindah dari tangan kita ke tangan bangsa asing, apakah yang akan jadi kepada kita anak bumiputera Tanah Melayu? Soalnya akan berlaku sebagaimana terjadi di antara orang Arab anak bumiputera Palestin dengan Yahudi (Israel) sekarang ini. Sebab itu saya ingin menarik perhatian bangsaku, bangsa Melayu, supaya menyedari hakikat yang sebenarnya ini, dan supaya insaf

sekali lagi, bahawa tanah air kita sekarang sedang menghadapi empat kekuasaan besar. Kekuasaan ini jika sekiranya berjaya di dalam perjuangannya, maka negara kita akan menurut dan tunduk kepada salah satu dari kekuasaan yang empat itu, iaitu (1) Komunisme, (2) Sosialisme, (3) Nasionalisme dan (4) Islamisme.

Faktor-faktor yang besar ini – tiga di antaranya adalah ciptaan manusia dan satu sahaja ciptaan Allah iaitulah Islam. Jadi bilamana kita mengkaji di antara empat faktor ini, maka kita akan dapati perselisihan dan perbezaan-perbezaan cara perjuangannya, dan cara-cara amalan dasar perjuangannya. Oleh itu maka kita di dalam menghadapi soal ini mestilah berjaga-jaga dan memikirkan sesuatu itu dengan bijaksana supaya kita tidak menyesal di belakang hari, kemanakah kita harus menjadikan tanah air kita itu ke dalam rupa bentuk kekuasaan dari yang empat tadi. Adakah



“Contoh” Muzium Negara yang akan didirikan di ibu kota Persekutuan Tanah Melayu tidak lama lagi.

kita hendak mencorakkan pemerintahan secara corak komunikah atau kebangsaankah atau sosialiskah, atau secara Islamkah? Jawabannya terserah kepada tuan-tuan sekalian.

Tetapi di sini saya jelaskan dengan terus terang – setahu kita bahawa tidak ada satu dasar yang dikira oleh otak manusia itu dapat membawa kepada keselamatan dan kepada perdamaian. Selagi undang-undang itu ciptaan manusia, selagi bikinan itu menggunakan fikiran, maka selama itulah undang-undang itu tak dapat memberi jaminan kepada tiap-tiap diri manusia, dan tidak

dapat mengemudikan haluannya dengan cukup teratur dalilnya sudah terang sekarang ini, dasar Komunis itu adalah rekaan akal manusia, selama ini orang bijak pandai, ahli-ahli fikir tak dapat mempertahankan serangannya. Bermacam-macam tipu muslihat hendak mengalahkannya segala-gala usaha mereka gagal, hanya satu sahaja cara yang dapat menahankan dari serangannya yang mengancam itu, iaitulah selagi Islam itu masih berakar umbi di jiwa tiap-tiap pemeluknya, maka selama itu ajaran komunisme tak dapat mematahkannya dan tak dapat melawannya, dan tak dapat menjalankan kekuasaannya kepada orang yang mempunyai roh keimanan dan kesedaran luas di dalam Islam ertinya



Rakyat Persekutuan Tanah Melayu dari segala lapisan sedang mengalu-alukan ketibaan Tengku Abdul Rahman dari London pada bulan yang lalu. Tengku telah berjaya menyampaikan suara rakyat Persekutuan yang mengutuk dasar perbezaan warna kulit Afrika Selatan – dalam persidangan Commonwealth di London.

Islam adalah pendinding kuat dari satu-satu anasir yang akan merosakkannya dan yang akan menguasainya.

Oleh itu wahai umat Islam diseluruh alam, terutama bangsaku, bangsa Melayu hari ini, sedarlah dan inşaf. Marilah kita bergerak bersama-sama di bawah panji-panji Islam. Kerana dengan Islam sahajalah segala usaha-usaha kita itu berjaya dan mendapat kerediaan Allah dan Rasul-Nya. Kita bangsa Melayu, mestilah menyoal diri masing-masing apakah perdiriannya yang tegas dan perjuangannya yang boleh menyelamatkan bangsanya dari sebarang anasir-anasir kotor dan jahat? Soalnya tak lain dan tak bukan mestilah kita mengikut ajaran Islam iaitu ajaran Tuhan dan Rasul-Nya dan beramal dengannya dan menghukum dengannya, kerana sesuai kita diletakkan oleh Allah menjadi satu umat di tengah-tengah yang akan menjadi penghukum di antara manusia sebagaimana firman Tuhan (*Wa ja'alnākum ummatan wasatan li takūnū shuhadā'a 'alā al-nās*). Jadi bila kita sudah diamanahkan oleh Tuhan sebagai seorang yang akan menghukum di antara yang hak dengan yang batil, di antara yang halal dengan yang haram, kenapa pula kita takut-takut dan tidak mahu berterus-terang, bukankah kata Tuhan (*Wa man lam yahkum bimā anzala Allāhu fa ulāikahumu al-zālimūn*) ertinya: Sesiapa yang tidak menghukum dengan barang yang diturunkan oleh Allah maka mereka itu orang yang menzalim. Apakah tuan-tuan mahu menjadi orang-orang yang zalim terhadap Tuhan dan pengkhianat terhadap bangsa sendiri? Sedang kita mengaku diri kita orang Islam dan mukmin sejati, tetapi satu-satu pekerjaan yang mungkar dilarang oleh Tuhan, kita nampak tetapi tidak berani melarangnya dan tidak menerangkannya

dan tidak mau berterus-terang.

Demikian pati ceramah Yang Berhormat Prof.

Dr. Burhanuddin al-Helmy di Persekutuan Melayu

Mesir baharu-baharu ini yang dapat saya catit, untuk perhatian bangsa kita di tanah air – *wa al-salām*.



Di antara pembaca Qalam yang tetap semenjak 10 tahun yang lalu ialah saudara Asmawi bin Ahmad bersama-sama dengan isterinya Cik Asni binti Hasan Zaini yang tertera gambar mereka di sini. Mereka telah berkahwin semenjak 10 tahun yang lalu dan tinggal di Jalan Lada, Singapura.